

PARAMETERS OF CONTEMPORARY FATWA IN THE MUSLIM MINORITY COUNTRY

DAWABIT FATWA KONTEMPORARI TERHADAP UMAT ISLAM DI NEGARA MINORITI

Humairaa' Abdul Rahimiⁱ, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashimⁱⁱ & Badli Shah Alauddinⁱⁱⁱ

- ⁱ Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). p153410@siswa.ukm.edu.my
- ⁱⁱ (*Corresponding author*). Profesor, Pusat Kajian Syariah & Dekan, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). izhar@ukm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Pahang. bad@pahang.gov.my

Article Progress

Received: 26 Oktober 2025

Revised: 23 December 2025

Accepted: 15 March 2026

Abstract	<p><i>This article discusses the parameters or fundamental principles in issuing contemporary fatwas, particularly for Muslim minorities residing in non-Muslim countries. Muslim minority communities living in secular nations face various socio-legal and cultural challenges that are significantly different from those experienced by Muslims in majority-Muslim societies. Therefore, fatwa institutions and authoritative muftis must adopt a framework that is aligned with the contemporary realities of these communities. The objective of this study is to identify five key parameters in contemporary fatwa issuance: maqasid al-shariah (as the foundation for assessing public interest or maslahah), i'tibar al-waqi' (consideration of current realities), fiqh al-aqalliyat (minority fiqh), taysir (facilitation), and ijihad jama'i (collective ijihad). This study also examines the application of these principles by fatwa institutions such as the European Council for Fatwa and Research (ECFR) and the Islamic Religious Council of Singapore (MUIS). Employing a qualitative scoping analysis, the study analyzes the content of fatwa literature and resolutions issued by these institutions. The findings show that the application of parameters is essential to ensure that fatwas remain contextually relevant, balanced, and aligned with the higher objectives of Islamic law (maqasid al-shariah), while also addressing the evolving needs of Muslim minorities. This research is crucial in reinforcing the legitimacy, consistency, and clarity of contemporary fatwa practices within the context of Muslim minority communities.</i></p> <p>Keywords: <i>Fatwa, Parameters, Fundamental, Minorities, Secular.</i></p>
Abstrak	<p><i>Artikel ini membincangkan dawabit atau prinsip-prinsip asas dalam pengeluaran fatwa kontemporari terutamanya bagi umat Islam minoriti yang menetap di negara bukan Islam. Komuniti minoriti Islam yang hidup dalam negara sekular berdepan dengan pelbagai cabaran sosio-perundangan dan budaya yang sangat berbeza berbanding dengan masyarakat Islam majoriti. Oleh itu, institusi fatwa dan para mufti yang berautoriti perlu menggunakan kerangka yang bersesuaian dengan realiti kehidupan semasa mereka. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti lima prinsip utama dawabit dalam pengeluaran fatwa kontemporari iaitu:</i></p>

maqasid syariah, i'tibar al-waqi' (memahami realiti semasa), fiqh al-aqalliyyat (fiqh minoriti), taysir (kemudahan) dan ijihad jama'i (ijihad kolektif). Kajian ini turut meneliti aplikasi dawabit tersebut dalam institusi fatwa seperti European Council for Fatwa Research (ECFR) dan Majlis Ulama Islam Singapura (MUIS). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif analisis peninjauan dengan menyelusuri kandungan terhadap karya-karya literatur fatwa serta resolusi institusi tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aplikasi dawabit sangat penting untuk memastikan fatwa kekal relevan dengan konteks semasa, seimbang dan selaras dengan matlamat utama syariah, serta memenuhi keperluan umat Islam minoriti yang sentiasa berubah. Kajian ini penting dalam mengukuhkan legitimasi, konsistensi dan kejelasan amalan fatwa kontemporari dalam konteks umat Islam minoriti.

Kata kunci: Fatwa, Dawabit, Asas, Minoriti, Sekular.

PENDAHULUAN

Dalam perkembangan era globalisasi Islam pada masa kini, populasi umat Islam di negara bukan Islam yang dianggap sebagai minoriti semakin berkembang, terutamanya di benua Eropah, Asia dan Amerika. Umat Islam minoriti ini berdepan dengan pelbagai cabaran dari segi amalan fiqhiyyah yang berbeza dengan konteks negara majoriti Muslim seperti Malaysia, Indonesia dan Arab Saudi.

Oleh itu, pengeluaran fatwa kontemporari yang sesuai dengan realiti semasa menjadi amat penting bagi memastikan umat Islam dapat beramal dengan agamanya secara sempurna tanpa sebarang kebimbangan konfrontasi dengan sistem negara Barat yang lebih berpegang kepada fahaman sekularisme. Tajdid adalah merupakan suatu keperluan dalam mencapai fatwa kontemporari bagi perkembangan umat Islam pada masa kini dengan meraikan keadaan setempat, masa serta adat yang tidak bercanggah dengan syarak.

Hal ini, dapat dicapai dengan penguasaan ilmu-ilmu penting seperti maqasid syariah, fiqh al-ta'ayush, fiqh al-tawazun dan fiqh al-awlawiyyat, serta pemahaman terhadap perubahan zaman sebagaimana kaedah:

تغير الأحكام بتغير الأزمان

Maksudnya, "Berubahnya hukum hakam dengan berubahnya masa dan ketika" (Al-Nadwi 1998).

Kaedah tersebut bererti perubahan hukum selari dengan perubahan masa, uruf dan adat masyarakat adalah sesuatu yang diakui dalam Islam, Apabila uruf dan adat berubah, hukum yang berkaitan juga boleh berubah mengikut kesesuaian keadaan semasa (al-Zarqa' 2001).

Namun dalam proses mengeluarkan fatwa ini, ianya mestilah dikawal oleh suatu prinsip atau dawabit yang mantap, agar selaras dengan landasan syariah dan mampu menawarkan penyelesaian yang realistik dan sesuai dengan realiti semasa. *Dawabit* ini dapat menyelaraskan antara keaslian syariat dan keperluan adaptasi terhadap konteks baru. Dalam konteks ini, institusi fatwa dan para mufti yang berautoriti memerlukan satu garis panduan atau *dawabit* bagi menjamin keabsahan dan keselarasan ijihad.

Namun begitu, hasil kajian terdahulu mendapati bahawa sebahagian besar *dawabit* yang dikemukakan oleh para sarjana hanya bersifat umum, dan tidak mengambil kira keperluan khas umat Islam yang hidup dalam konteks minoriti. Kebanyakan kajian terdahulu oleh Syeikh Yusuf al-Qaradawi, Syeikh Ali Jumu'ah dan Dr. 'Abd al-Majid Muḥammad al-Sūsawah hanya menyentuh *maqasid* dan *maslahah* sebagai asas, tanpa menyusun dawabit khusus untuk realiti masyarakat minoriti yang berhadapan dengan tekanan sosial, ekonomi dan perundangan yang berbeza.

Justeru, kajian ini berhasrat untuk menyusun dan menganalisis lima dawabit utama yang digunakan dalam pengeluaran fatwa kontemporari terhadap umat Islam negara minoriti seperti *maqasid syariah*, *i'tibar al-waqi'*, *fiqh al-aqalliyat*, *taysir* dan *ijtihad jama'i*. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneliti aplikasi nyata prinsip-prinsip utama yang digunakan dalam mengeluarkan fatwa kontemporari terhadap umat Islam terutamanya di negara minoriti seperti di Amerika dan Eropah dan Singapura di Asia Tenggara.

Pendekatan ini diharapkan dapat memperjelaskan peranan *dawabit* dalam memastikan fatwa yang dikeluarkan bukanlah sekadar sah dari sudut syarak, bahkan ia realistik, sesuai dan mampu dilaksanakan oleh komuniti Muslim minoriti.

DEFINISI FATWA

Al-Qaradawi (1988) dan al-Zuhaily (1996) mendefinisikan fatwa sebagai jawapan rasmi bagi soalan-soalan yang berkaitan keagamaan, sama ada secara individu atau berkumpulan. Ia juga diambil daripada perkataan arab daripada *fata-yaftu-fatwan*. Al-Ifta' diambil daripada perkataan *futyān* dan *fatwa*, yang membawa maksud perbuatan mengeluarkan fatwa oleh Mufti tentang perkara berkaitan perundangan atau kepentingan undang-undang yang dikeluarkan oleh ahli fiqh (Kamus Lisan Arab). Suatu fatwa tidak dianggap sahih sekiranya disampaikan oleh orang yang tidak berkelayakan sebagai Mufti (Muhammad et al. 2024).

Manakala, fatwa kontemporari ialah sebuah keputusan syarie yang dikeluarkan oleh mufti atau badan autoritatif bagi menjawab isu-isu baru (*al-qadhaya al-muasirah*) yang timbul dalam konteks masyarakat moden kini (al-Yahya 2013). *Al-Qadhaya* dalam istilah arab berasal daripada "*qadha*" yang bermaksud menyelesaikan atau menghukum sesuatu perkara. Namun dalam penggunaan kontemporari, istilah *qadhiyyah* lebih sesuai difahami sebagai "masalah" atau "isu yang menuntut penyelesaian segera".

Selain itu, perkataan kontemporari atau *mu'asarah* berasal daripada kata dasar *al'asr* yang bermaksud zaman. Dari sudut istilah, *mu'asir* merujuk kepada perkara baharu yang berkaitan dengan zaman kini dan tidak berlaku pada masa lalu, sama ada dari sudut bentuk, sistem dan teknologi. Ia juga membawa maksud kepada perubahan besar yang berlaku selepas era revolusi industri, ekonomi, teknologi maklumat dan globalisasi moden dalam pembentukan kehidupan manusia dalam bentuk yang belum pernah berlaku sebelumnya.

Oleh itu, fatwa kontemporari merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan bagi menangani isu-isu baharu yang timbul akibat perubahan zaman, yang tidak mempunyai jawapan langsung dalam teks klasik. Fatwa ini memerlukan ijtihad baharu yang bersandarkan kepada dalil syar'i dan *maqasid syariah*, serta perlu dipandu oleh prinsip-prinsip *dhawābit* agar ia tidak menyimpang daripada kehendak Islam. (al-Yahya 2013).

DEFINISI DAWABIT

Dawabit dari sudut bahasa adalah bentuk jamak kepada "*dabit*", yang bermaksud mengikat sesuatu, mengawalinya dan menahannya secara kukuh dan tetap. Dari sudut istilah para ulama fiqh mendefinisikan dawabit sebagai satu hukum fiqh umum yang digunakan untuk menghimpunkan beberapa cabang masalah dalam satu bab fiqh tertentu. (Kamus Lisan Arab)

Selain itu, istilah dawābit dalam konteks fiqh juga merujuk kepada syarat-syarat dan sebab-sebab yang berkait rapat dengan pelaksanaan hukum atau tindakan, termasuk dalam bentuk definisi, tanda, pembahagian, atau sebab yang membolehkan sesuatu hukum itu dikuatkuasakan. Manakala, dalam konteks fatwa kontemporari, ia ialah prinsip-prinsip pengawalan, syarat-syarat asas, dan disiplin yang wajib dipatuhi oleh para mufti atau sebuah institusi fatwa ketika mengeluarkan fatwa bagi isu-isu semasa.

Secara ringkas, *dawābit* merupakan prinsip kawalan fiqhiyah yang menghimpunkan syarat-syarat dan garis panduan dalam satu bidang hukum tertentu, yang menjadi sempadan bagi ijtihad dan pengeluaran fatwa. Ia berfungsi sebagai neraca untuk memastikan bahawa fatwa yang dikeluarkan tidak terpesong daripada objektif syarak dan sesuai dengan konteks realiti semasa terutamanya bagi negara minoriti Muslim (Al-Suyuti, 1998).

DEFINISI NEGARA MINORITI

Minoriti bermaksud sesuatu kelompok manusia di sebuah negara yang berbeza dari kebanyakan penduduk negara itu. Perbezaan itu mungkin dari sudut agama, ikutan mazhab, keturunan, bahasa dan lain-lain dari perkara-perkara asasi yang membezakan antara sekelompok manusia dengan kelompok yang lain. Sebagai contoh, kaum minoriti umat Islam yang berada di tengah masyarakat Kristian di Barat atau berada di tengah masyarakat Hindu di India atau di tengah masyarakat Buddhist di Cina. Mereka mempunyai perbezaan dari kelompok majoriti dari segi aqidah dan agama.

Jadual 1: Penduduk Muslim Minoriti Di Negara Eropah Terpilih, 2020

Negara terpilih di Eropah	Anggaran Penduduk Islam (2020)	Jumlah Penduduk (2020)	% daripada Jumlah Penduduk
Russia	13,621,486	134,334,183	10.14%
Germany	4,282,424	82,038,774	5.22%
France	6,635,327	66,353,270	10.00%
United Kingdom	2,601,724	65,043,092	4.00%
Italy	1,327,931	63,234,805	2.10%
Spain	1,326,072	51,022,777	2.60%
Netherlands	1,010,721	17,426,219	5.80%

Sumber: Diambil daripada <https://en.tempo.co/read/1866287/top-10-european-countries-with-largest-muslim-population>

SOROTAN LITERATUR

Umat Islam yang hidup sebagai minoriti di negara bukan Islam memerlukan suatu *dawabit* atau prinsip kawalan hukum dalam proses pengeluaran fatwa kontemporari kerana mereka berdepan dengan pelbagai cabaran dari aspek perundangan, adat, budaya, serta sistem sosial yang jauh berbeza daripada masyarakat majoriti Muslim. Keadaan ini menuntut kepada satu pendekatan *ijtihad* baharu yang bukan sahaja berpaksikan kepada dalil dan maqasid syariah, tetapi perlu dikawal oleh prinsip-prinsip sistematik yang mampu untuk menjamin keselarasan hukum, ketepatan syarie dan kesesuaian dengan realiti semasa bagi satu tempat.

Hasil dapatan daripada kajian lepas telah menunjukkan bahawa kebanyakan panduan atau *dawabit* yang dihasilkan adalah secara umum tanpa memberi penekanan khusus terhadap realiti semasa komuniti minoriti Muslim. Antaranya, terdapat kajian daripada Saadan (2022) menghuraikan secara terperinci kepentingan fiqh semasa dalam mendepani perubahan sosial, budaya dan undang-undang yang tidak sejajar dengan konteks masyarakat Islam terdahulu.

Beliau menekankan bahawa *ijtihad* dalam konteks kontemporari tidak sepatutnya bersifat bebas tanpa batasan, sebaliknya ia perlu diikat dengan *dawabit* yang meliputi pemahaman terhadap prinsip *maqasid* syariah, *fiqh al-waqi'*, *ijtihad jama'i*, dengan berpegang kepada prinsip *wasatiyyah*. Selain itu, dalam kajian beliau memperlihatkan bahawa fiqh semasa mestilah bersifat responsif kepada perubahan, tetapi tidak terlalu longgar sehingga mengabaikan prinsip syarak. Namun begitu, kerangka *dawabit* ini dibina berdasarkan konteks Malaysia, dan negara muslim majoriti. Justeru, ia tidak menjawab secara khusus keperluan umat Islam minoriti.

Seterusnya, kajian Amir (2022) yang mengkaji pemikiran Yusuf al-Qaradawi mengenai *Fiqh al-Aqalliyat al-Muslimah* yang merupakan pendekatan awal dan berpengaruh dalam menyediakan satu kerangka fiqh khas untuk masyarakat Muslim minoriti. Kajian tersebut menegaskan bahawa pendekatan fiqh minoriti yang diperkenalkan oleh al-Qaradawi banyak mengadaptasi prinsip-prinsip dalam *fiqh al-aqalliyat* seperti *taysir* (memudahkan), *raf' al-haraj* (mengangkat kesukaran), *maslahah mursalah*, *'urf* dan *sadd al-dhari'ah* yang menjadi asas dalam menetapkan kelonggaran hukum.

Contohnya, fatwa seperti kebenaran mendahulukan solat Jumaat, penggunaan zakat atau pembangunan institusi Islam, dan kebolehan memberi ucapan kepada bukan Muslim pada hari perayaan mereka menunjukkan bahawa masyarakat minoriti Muslim memerlukan pendekatan

fiqh yang kontekstual. Walaubagaimanapun, meskipun beliau mengemukakan banyak prinsip-prinsip panduan, pendekatan ini masih belum diformalkan dalam bentuk *dawabit* rasmi yang boleh diaplikasikan secara menyeluruh oleh institusi fatwa.

Pendekatan ini membuktikan bahawa suatu ijtihad yang fleksibel yang dikawal oleh prinsip-prinsip adalah diperlukan. Namun, kajian beliau tidak menyusun suatu model rasmi *dawabit* yang boleh diinstitusikan. Manakala, kajian oleh al-Riyahi (2020) dalam makalahnya, turut menekankan keperluan kepada metodologi pengeluaran fatwa kontemporari yang tersusun, teliti dan bebas dari ideologi moden atau persepsi awam.

Beliau menegaskan bahawa mufti hendaklah berpegang teguh kepada epistemologi ilmu dan menguasai realiti sosial dan ilmiah secara kritikal, terutamanya dalam isu-isu baharu. Meskipun, dalam makalahnya telah menetapkan satu *dawabit* dalam pengeluaran fatwa kontemporari akan tetapi ia lebih bersifat umum dan tidak membincangkan secara langsung aplikasi *dawabit* dalam konteks minoriti Muslim di negara bukan Islam.

Begitu juga dalam kajian oleh al-Sūsawah (2005) telah menyenaraikan tujuh *dawabit* utama sebagai panduan dalam pengeluaran fatwa kontemporari iaitu kelayakan mufti, pemahaman terhadap realiti semasa, prinsip *taysir*, penjagaan *maslahah*, tidak terikat kepada satu mazhab, pendekatan fatwa jama'i, dan penyesuaian hukum dengan zaman dan tempat. Penulis menekankan bahawa perubahan zaman memerlukan kepada perubahan dalam pendekatan hukum, namun mestilah dikawal dengan kaedah yang berpegang teguh kepada ilmu dan prinsip syarak.

Namun begitu, seperti mana kajian terdahulu, aplikasi prinsip ini adalah dalam konteks minoriti Muslim masih belum diteliti dan diperbincangkan secara spesifik. Berdasarkan penilaian terhadap kajian-kajian tersebut, beberapa jurang utama yang menjadi dorongan dan menyumbang kepada kajian ini dapat dikenalpasti iaitu kajian terdahulu menyusun *dawabit* secara umum dan tiada kerangka *dawabit* khusus untuk minoriti Muslim yang menghadapi tekanan undang-undang, diskriminasi agama dan kekangan sosial.

Tinjauan ini membuktikan bahawa kewujudan *dawabit* sebagai prinsip kawalan dalam pengeluaran fatwa kontemporari adalah satu keperluan asas. Meskipun pelbagai kajian telah mengemukakan prinsip-prinsip yang bermanfaat, masih terdapat jurang. Oleh itu, kajian ini mengusulkan penyusunan semula *dawabit* berdasarkan lima prinsip utama iaitu *maqasid* syariah, *i'tibar al-waqi'*, *fiqh al-aqalliyyat* sebagai landasan hukum minoriti, *taysir* (kemudahan) dan *ijtihad jama'i*.

Dawabit ini disusun dalam satu kerangka sistematik dan dihubungkan secara langsung dengan keperluan, cabaran dan realiti semasa umat Islam minoriti. Ini adalah bertujuan untuk menjadikan fatwa tersebut lebih kontekstual, responsif tetapi tetap sah disisi syarak.

DAWABIT FATWA KONTEMPORARI

Terdapat beberapa *dawabit* yang diguna pakai dalam fatwa kontemporari umat Islam minoriti dalam menjaga objektif syariah iaitu antaranya:

Maqasid Syariah

Setiap fatwa yang dikeluarkan oleh mufti atau badan fatwa yang berautoriti perlulah berpandukan al-Quran, al-Sunnah, Ijma' serta diteliti berdasarkan maqasid syariah dengan melihat kesan suatu permasalahan tersebut dari sudut kebaikan (*maslahah*) dan kemudaratan (*mafsadah*) terhadap masyarakat masa kini. Maksud *maqasid* syariah ialah tujuan-tujuan yang didatangkan syariah untuk mendatangkan kemaslahatan hamba (al-Raysuni 2011) dan *maslahah* syariah (Ismail & Tuan Sidek 2024).

Menurut al-Shatibi (1997), syariat Islam ialah satu rahmat dan tujuan utamanya adalah untuk mendatangkan kebaikan (*maslahah*) dan menolak kemudaratan (*mafsadah*) di dunia dan akhirat. Dalam kerangka penetapan hukum semasa, antara asas utama dalam ijtihad kontemporari ialah dengan mempertimbangkan antara *maslahah* dan *mafsadah* yang selari dengan pendekatan *maqasid* syariah.

Menurut Ismail & Tuan Sidek (2024), penetapan hukum fiqh semasa hendaklah mengambil kira realiti semasa dan menggunakan instrumen ijtihad dengan berasaskan *maqasid* syariah agar tujuan utama syariat dapat dicapai iaitu sesuatu hukum tersebut perlu atas tujuan mendatangkan maslahat dan menolak mafsadah terhadap kehidupan manusia di dunia dan akhirat.

Oleh itu, ijtihad dalam konteks ini perlu dilakukan secara tertib, berpandukan nas-nas syarak yang jelas terlebih dahulu, kemudiannya, diikuti dengan rujukan kepada hadis, ijmak dan apabila tiadanya dalil *qat'i*, maka penilaian dilakukan melalui *maqasid* syariah dan *qawaid fiqhiyyah*. Begitu juga dengan pandangan al-Shatibi (1997) dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1991) iaitu dalam pelaksanaan suatu ijtihad adalah dengan melakukan pertimbangan prioriti terhadap suatu permasalahan dengan menilai yang mana harus didahulukan atau yang mana harus dikemudiankan.

Selain itu, meninggalkan suatu perbuatan apabila bertembungnya dua keburukan serta memperincikan pertimbangan antara *maslahah* dan *mafsadah* jika kedua-duanya bertentangan. Seorang mufti atau mujtahid perlu memahami tahap kepentingan suatu isu tersebut iaitu dengan melihat kepada *daruriyyat* (keperluan utama): perkara yang jika ditinggalkan akan merosakkan atau mengancam kehidupan manusia seperti agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Selepas itu, *hajiyyat* (keperluan sekunder): perkara yang diperlukan oleh manusia untuk memudahkan kehidupan, namun ketiadaannya tidak menjejaskan diri. Akhir sekali, *tahsiniyyat* (keperluan pelengkap): iaitu perkara yang menyempurnakan kehidupan secara mulia dan bermaruah. Bahagian *daruriyyat* ini secara khusus merangkumi lima aspek utama yang disepakati: menjaga agama, menjaga diri (nyawa), menjaga akal, menjaga keturunan (maruah), dan menjaga harta yang mana ia berdasarkan firman Allah Taala:

﴿يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰ أَنْ لَا يُسْرِكَنَّ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرُقَنَّ وَلَا يَزْنِيَنَّ وَلَا يَقْتُلَنَّ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِيَنَّ بِهَتَّانٍ يُفْتَرِيَنَّهُ بَيْنَ أَيْدِيَهُنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعَصِيَنَّكَ فِي مَعْرُوفٍ فَبَايِعْهُنَّ وَاسْتَغْفِرْ لَهُنَّ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Maksudnya, "Wahai Nabi! apabila orang-orang perempuan Yang beriman datang kepadamu untuk memberi pengakuan taat setia, Bahawa mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah Dengan sesuatu pun, dan mereka tidak akan mencuri, dan mereka tidak akan berzina, dan mereka tidak akan membunuh anak-anaknya, dan mereka tidak akan melakukan sesuatu perkara dusta Yang mereka ada-adakan dari kemahuan hati mereka, dan mereka tidak akan menderhaka kepadamu Dalam sesuatu perkara Yang baik, - maka Terimalah pengakuan taat setia mereka dan pohonkanlah kepada Allah mengampuni dosa mereka; Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani" (al-Quran. Al-Mumtahanah: 12).

Oleh itu, dalam mengeluarkan sebarang fatwa kontemporari, mufti dan institusi fatwa yang berautoriti perlulah mengambil kira pertimbangan-pertimbangan ini serta benar-benar menguasai ilmu *maqasid* syariah agar objektif syariah tidak tersasar. Justeru, masyarakat dapat mengadaptasikan sesuatu hukum semasa lebih proaktif dalam kehidupan semasa mereka, terutamanya sebagai komuniti minoriti yang hidup dalam cabaran perkembangan teknologi, ideologi dan perubatan.

Akan tetapi, para mufti juga tidak boleh keterlaluan dalam menggunakan kayu ukur *maqasid* syariah sehingga mengabaikan nas-nas syarak. Suatu hukum yang *qat'i* tidak boleh dijadikan sebagai *zanni* dan begitu juga sebaliknya. Meskipun, terdapat beberapa perkara *zanni* yang boleh menjadi *qat'i* jika ada penemuan baru berasaskan kepada hujah dan ilmu yang meyakinkan namun, persoalan *qat'i* yang telah diijmak oleh para ulama tidak boleh dianggap *zanni* pada masa kini (Saadan, 2022).

***I'tibar Al-Waqi'* (Memahami Realiti Semasa)**

Terdapat dua komponen yang terkandung dalam pensyariaan hukum Islam iaitu *al-thawabit* (yang tetap dan kekal) dan *al-mutaghayyirat* (yang boleh berubah). Perkara *thawabit* adalah dikenali sebagai usul atau perkara usul yang tidak berubah sehingga hari kiamat seperti hukum

fiqh solat, haram riba dan zina, manakala, *al-mutaghayyirat* terdiri daripada cabang-cabang hukum (*furu'*) yang boleh berubah bergantung kepada keadaan, budaya, adat setempat (*'urf*) atau sejajar dengan kemajuan zaman seperti bentuk pelaksanaan sistem ekonomi, peraturan muamalat dan kaedah teknikal ibadah contohnya, bacaan bismillah dalam solat.

Konsep *waqi'* atau realiti semasa adalah bersifat berubah-ubah yang dilihat melalui perubahan semasa budaya, adat atau *'urf* serta keperluan dalam sesebuah masyarakat setempat. Dalam ungkapan lain, syariat Islam bersifat tetap pada perkara-perkara usul dan bersifat fleksibel (*murunah*) pada perkara-perkara *furu'* yang banyak melibatkan persoalan-persoalan semasa dalam mana-mana dimensi kehidupan manusia (Saadan, 2022).

Sejarah Islam telah membuktikan bahawa pemahaman terhadap konsep realiti semasa ini telah lama dipraktikkan sejak zaman para sahabat, *tabi'in* dan *tabi' al-tabi'in*. Sebagai contoh, pada zaman Khalifah Uthman bin Affan RA yang telah memerintahkan supaya diazankan dua kali pada hari Jumaat, kerana masyarakat Islam ketika itu berada dalam keadaan lemah keagamaannya yang sering datang lambat ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat. Ia tidak dilakukan pada zaman Rasulullah SAW, tetapi perubahan realiti semasa mengharuskan ijtihad baru.

Manakala, dari aspek muamalat Amir Sayf al-Dawlah al-Hamadani di zaman Abbasiyah memperkenalkan penggunaan cek bagi bayaran tanpa menggunakan mata wang bagi memudahkan urusan pembayaran. Hal ini juga dapat dilihat pada para mazhab-mazhab fiqh seperti Imam Syafie yang terkenal dengan *qawl qadim* dan *qawl jadid* dalam fiqhnya, iaitu pandangan lama yang diamalkan di Hijaz dan pandangan baru yang diamalkan di Mesir, kesan daripada perbezaan realiti setempat (al-Hajawi, 1995).

Rentetan dengan itu, para ulama usul telah mengeluarkan satu kaedah umum (al-Nadawi, 1998) iaitu:

لا يَنكُرُ تَغْيِيرَ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ

Maksudnya, "Tidak diingkari perubahan hukum dengan berlaku perubahan masa".

Menurut al-Shatibi (1997), Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1991), al-Qaradawi (2000) Dalam konteks fatwa kontemporari untuk umat Islam minoriti, memahami realiti setempat adalah sangat penting kerana masyarakat Islam yang berada di negara bukan Islam akan berdepan dengan cabaran yang berbeza dengan masyarakat Islam yang berada di negara majoriti Islam. Faktor seperti tekanan sosial, kekangan undang-undang, hak kebebasan agama, serta keperluan sosioekonomi perlu diteliti sebelum mengeluarkan fatwa yang sesuai.

Dalam hal berkenaan, Imam Ibn Qayyim (1991) telah berkata dalam bukunya "*Ilam Al-Muwaqqi'in*":

"Seorang mufti dan hakim tidak akan mampu untuk memberi fatwa atau hukum dengan benar kecuali dengan dua bentuk kefahaman. Salah satunya ialah memahami realiti dan hukum fiqh bagi realiti itu. Lalu menghasilkan pengetahuan mengenai hakikat yang sejajar dengan tanda-tanda dan petunjuk-petunjuk yang ada, sehingga pengetahuan itu meliputi perkara berkenaan. Bentuk yang kedua ialah memahami kewajiban dalam berhadapan dengan realiti iaitu memahami hukum Allah yang ditetapkan dalam kitabNya atau melalui lidah RasulNya dalam realiti berkenaan, kemudian menerapkan salah satu (Al-Quran / Sunnah) pada yang lain. Sesiapa yang mengerahkan usaha dan upayanya yang sedemikian itu, tidak akan hilang darinya dua pahala atau satu pahala".

Kesimpulannya, setiap para mufti perlu mengambil kira realiti kehidupan harian dalam sesebuah komuniti Islam yang hidup dikalangan majoriti bukan Islam dari sudut perbezaan penggunaan bahasa, perubahan dan peningkatan gaya hidup manusia, citarasa dan keinginan yang dibentuk oleh persekitaran dan elemen-elemen yang membentuk psikologi dan emosi masyarakat.

Akan tetapi, dalam mengeluarkan fatwa yang mengikut realiti semasa para mufti perlu diingatkan untuk tidak melebihi prinsip aqidah dan syarak. Nas mesti memimpin situasi dan mendominasi suatu hukum. Hukum mengubah mengikut realiti tidak bermaksud bahawa agama mengikut realiti, sebaliknya agama meraikan realiti dengan tidak menolak sunnatullah pada alam.

Kini, ramai dikalangan ulama kontemporari menyarankan agar ijtihad dilakukan berdasarkan keperluan semasa.

Antara para sarjana hukum yang menggagaskan idea pembaharuan terhadap ilmu fiqh dan membawa gagasan fiqh semasa adalah Mustafa al-Zarqa', `Abd al-Karim Zaydan, Muhammad al-Ghazali, Sa'id Ramadan al-Buti, Wahbah al-Zuhayli, Yusuf al-Qaradawi dan ramai lagi. (Saadan 2022). Di antara mereka, Yusuf al-Qaradawi adalah antara ulama yang banyak menulis karya yang berpaksikan realiti semasa atau kontemporari. Antara pemikiran fiqh kontemporari beliau adalah *Fiqh al-Aqalliyyat* (Fiqh Minoriti).

Fiqh Al-Aqalliyyat (Fiqh Minoriti)

Fiqh *al-aqalliyyat* atau fiqh minoriti adalah merupakan salah satu gagasan pemikiran fiqh kontemporari yang dikembangkan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi. Ia merupakan satu pendekatan khas yang lahir bagi menghadapi cabaran umat Islam minoriti dengan cara memberi keutamaan kepada survival, identiti agama, keterlibatan sosial dan pemeliharaan hak sebagai warganegara tanpa bercanggah dengan prinsip Islam dan tanpa menjejaskan undang-undang bagi negara tersebut. Contohnya, membenarkan penyertaan dalam politik bukan Islam, menggunakan sistem kewangan konvensional dalam keadaan darurat dan sebagainya.

Antara objektif dan tujuan fiqh *al-aqalliyyat* adalah untuk memudahkan individu dan masyarakat Muslim minoriti dalam menjalani kehidupan beragama dengan mudah tanpa kesulitan dalam urusan agama dan dunia sekaligus memelihara keperibadiannya. Selain itu, membimbing minoriti Muslim untuk hidup dalam keseimbangan iaitu membolehkan mereka berinteraksi secara positif tanpa tenggelam dalam budaya bukan Islam dan membantu umat Islam menunaikan tanggungjawab agama dan dunia dengan seimbang tanpa bersifat terlalu ekstrem atau lalai.

Objektif paling penting adalah bagi memberi jawapan kepada persoalan baru melalui ijtihad yang sesuai dengan syariah dan realiti tempatan. Aplikasi fiqh *al-aqalliyyat* adalah bersumberkan dalil syarak seperti yang terkandung dalam surah al-Haj ayat 78 yang bermaksud "dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama" dan hadis Nabi SAW: "*yassir wala tu'assir*" (permudahkan, jangan menyusahkan).

Antara tunggak asas bagi fiqh *al-aqalliyyat* adalah berpaksikan kepada kaedah masalah, istihsan, istislah dan masalah mursalah, qawa'id al-fiqhiyyah (kaedah-kaedah fiqh), rukhsah dan takhayyur dalam memilih kepentingan (al-darurah). *Maslahah* dalam konteks masyarakat Muslim minoriti adalah untuk melindungi mereka daripada kesukaran (darar) atau kerosakan (mafsadah) yang boleh menjejaskan kesejahteraan hidup dan amalan beragama mereka.

Hal ini dapat dicapai dengan menggunakan konsep masalah seperti *istislah* iaitu usaha mencari kemudahan bagi umat Islam minoriti dalam masyarakat sekular bukan Islam, kebajikan awam dalam undang-undang injuksi. Seterusnya, *istihsan* iaitu keutamaan perundangan atau kepentingan awam dan teknikal, bagi mengelakkan sebarang ketegaran dan ketidakadilan dikalangan minoriti Islam dalam pelaksanaan undang-undang yang sedia ada di negara yang bukan Islam. Di samping itu, *maslahah mursalah* yang bermaksud peraturan yang terpakai kepada umat Islam minoriti yang tidak mempunyai nas khusus sama ada menyokong atau menentang.

Seterusnya, penggunaan kaedah *qawaid al-fiqhiyyah* bagi tujuan membuktikan bahawa perundangan Islam tidak meninggalkan apa-apa yang tidak disentuh tanpa mengira tempat, masa, keadaan dan situasi. Antara kaedah-kaedah yang relevan ialah *al-Mashaqqah Tajlib al-Taysir* - kesukaran membawa kemudahan, *idhā Dāq al-Amr Ittasa'a* - apabila sesuatu menjadi sempit, ia akan diluaskan atau *al-Ḍarūrāt Tubīh al-Mahzūrāt* - keperluan mendesak membolehkan perkara yang asalnya dilarang dan sebagainya.

Selain itu, *rukhsah* merujuk kepada hukum yang diberikan pengecualian dalam keadaan dan keperluan tertentu, khususnya bagi minoriti Muslim di negara bukan Islam demi kemudahan dan mengelakkan kesukaran. Antara situasi yang membolehkan rukhsah ialah (Kamali 2003) kelonggaran dalam muamalat, contohnya kontrak jual beli seperti *salam* dan *istiṣnā'* yang secara asal tidak dibenarkan tetapi dibolehkan demi kemaslahatan awam atau kelonggaran syariat yang sebelumnya dikenakan secara ketat dalam wahyu terdahulu atau oleh sistem sekular.

Akhir sekali, *takhayyur* memberi ruang kepada individu Muslim minoriti bagi memilih pendapat daripada pelbagai mazhab yang paling sesuai dengan keperluan dan realiti semasa serta memilih pandangan yang memudahkan ketika dalam keadaan darurat, kesukaran atau keperluan mendesak. Kaedah ini disokong dalam surah al-Mujadalah (58:3-4), yang memberi beberapa pilihan kaffarah bagi kesalahan zihār, serta hadis Nabi SAW yang menyeru kepada perubahan ke arah kebaikan menurut kemampuan.

Kesimpulannya, fiqh *al-aqalliyat* adalah pendekatan fiqh yang bersifat fleksibel dan responsif terhadap cabaran kehidupan Muslim minoriti, dengan memelihara prinsip asas syariah. Gagasan ini telah menjadi polisi rasmi bagi *European Council for Fatwa and Research* (ECFR) (Resolusi 12/5) pada Januari 2004. Oleh itu, dalam mengeluarkan suatu fatwa kontemporari setiap para mufti atau institusi fatwa perlulah mengambil kira konsep fiqh *al-aqalliyat* dalam suatu hukum atau permasalahan yang disoalkan agar masyarakat Muslim minoriti mudah untuk mengadaptasikan suatu hukum dalam kehidupan dan amalan agama mereka.

Taysir (Kemudahan Dan Fleksibiliti)

Taysir (kemudahan) adalah merupakan prinsip asas dalam pengeluaran fatwa kontemporari khususnya golongan Muslim minoriti yang berhadapan dengan pelbagai kesulitan hidup dalam masyarakat majoriti bukan Islam. Ia bertujuan untuk memberikan kemudahan ketika wujudnya darurat atau kesukaran yang melampau tetapi tidaklah sehingga merosakkan ketulenan syarak.

Terdapat perbezaan besar antara *tasahul* (kelonggaran yang melampau dan cuai) dan *taysir* yang jelas dinyatakan oleh Imam al-Nawawi iaitu beliau menyatakan bahawa haram berfatwa dengan *tasahul* dan tidak harus meminta fatwa daripada orang yang dikenali dengan sifat ini. *Tasāhul* bererti terburu-buru dalam mengeluarkan fatwa tanpa memastikan ketepatan hukum dan tanpa kajian mendalam.

Ini termasuk menggunakan helah hukum yang haram atau makruh untuk tujuan yang tidak sah, atau mengambil pendapat yang diragui untuk memuaskan kehendak penyoal. Sebaliknya, dibenarkan bagi seorang mufti yang ikhlas untuk menggunakan helah hukum yang sah dan tidak diragui untuk melepaskan seseorang daripada sumpah atau beban tertentu. Hal ini selaras dengan amalan para salaf. Sufyan berkata, "Ilmu bagi kami ialah rukhsah daripada seorang ulama yang dipercayai. Amalan yang keras dan ketat boleh dilakukan oleh sesiapa pun."

Matlamat *taysir* ialah menggubal hukum dengan mengambil kira kemampuan individu atau masyarakat untuk melaksanakan perintah dan meninggalkan larangan dengan berpandukan prinsip asas perundangan Islam. Oleh itu, dalam mengeluarkan suatu fatwa, mufti perlulah meneliti dalil, membandingkan pendapat dan merujuk kaedah usul serta prinsip mazhab yang menjaga kemaslahatan individu atau masyarakat tersebut, dan memudahkan amalan mereka.

Al-Qaradawi telah menyokong prinsip ini dan menyamakan keadaan minoriti Muslim dengan orang miskin yang layak mendapat pengecualian dalam hukum tertentu yang mana orang miskin seharusnya dilayan dengan lebih ringan berbanding orang kaya (Muhammad Mustaqim & Anwar 2022). Hal ini adalah bertepatan sepertimana firman Allah SWT:

﴿يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ﴾

Maksudnya, "Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran" (al-Quran. al-Baqarah: 185).

Kesimpulannya, dalam mengaplikasikan prinsip ini dalam fatwa kontemporari, para mufti atau institusi mufti perlulah berhati-hati agar tidak terlampau dalam memberikan kelonggaran dan ia mestilah berpandukan penyelidikan, pertimbangan yang wajar dan berpaksikan kepada maqasid syariah bukanlah sekadar mempermudah secara mutlak, tetapi demi menjamin kesinambungan amalan Islam yang realistik dalam konteks semasa (Dar Al-Ifta', Mesir).

Ijtihad Jama'i (Kolektif Dalam Pengeluaran Fatwa)

Ijtihad adalah merupakan salah satu instrumen dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul seiring dengan perkembangan zaman. Ijtihad terbahagi kepada dua iaitu ijtihad juz'i dan jama'i,

ijtihad juz'i menghadkan mujtahid untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan kepakaran dan bidangnya sahaja. Manakala al-Sharafi (1997) mentakrifkan ijtihad jama'i sebagai curahan tenaga dan usaha para fuqaha dalam mengeluarkan hukum syarak bersifat zanni melalui metodologi istinbat. Penetapan hukum syarak akhir dibuat berdasarkan persetujuan dan kata sepakat semua atau majoriti fuqaha selepas perbincangan dan perbahasan yang mendalam.

Berdasarkan pembahagian tersebut jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan ijtihad jama'i adalah lebih bersesuaian dalam menangani isu-isu kontemporari. Dengan pelaksanaan ijtihad jama'i, penyepaduan ilmu dan kepakaran yang menyeluruh dalam menyelesaikan isu-isu kontemporari dapat dicapai. Iaitu dengan memastikan bahawa setiap bidang kepakaran atau subkepakaran para mujtahid atau mufti saling melengkapi antara satu sama lain seperti pakar fiqh bekerjasama dengan pakar hadis, pakar tafsir dan pakar bahasa arab.

Selain itu, mereka juga saling melengkapi dalam memahami realiti semasa seperti sains sosial, ekonomi, perubatan dan bidang lain (al-Majma'i, 2014; Adnin & Asmak, 2022). Pelaksanaan ijtihad jama'i yang berautoriti memerlukan mujtahid atau mufti yang berkelayakan, antaranya menguasai al-Quran, sunnah, usul fiqh, maqasid syariah serta memahami ijmak dan khilaf terdahulu. Mereka juga perlu memahami realiti semasa (waqi') dan memiliki sifat adil, amanah dan integriti ilmiah.

Ijtihad jama'i telah berkembang menjadi sebuah institusi yang mempunyai autoriti khusus untuk melaksanakan ijtihad secara kolektif dalam menetapkan fatwa di sesebuah negara atau negeri. (Al-Qaradawi, 1996; Adnin & Asmak, 2022). Kini, wujudnya institusi-institusi fatwa yang merangkumi ahli-ahli jawatankuasa mufti tidak kira sama ada secara antarabangsa atau nasional bagi mengeluarkan satu fatwa kontemporari yang sesuai dengan keadaan semasa.

Antara institusi-institusi yang ditubuhkan di negara minoriti Muslim yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan fatwa bagi kemaslahatan umat Islam yang menetap di negara bukan Islam iaitu seperti di Eropah terdapat institusi fatwa *The European Council for Fatwa and Research*, di Singapura terdapat Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan di Australia terdapat *Australian Dar al-Iftaa* dan *Darulfatwa Islamic High Council*. Setiap institusi ini beroperasi secara berbeza kerana mengambil pendekatan berdasarkan realiti tempatan, uruf masyarakat dan cabaran perundangan setempat.

Dalam mengeluarkan fatwa kontemporari yang bersesuaian dengan konteks masyarakat setempat, institusi-institusi tersebut perlulah memenuhi metodologi untuk ijtihad iaitu al-taswir (memahami isu), *al-takyif* (menyesuaikan dengan dalil syarak), *bayan al-hukm* (penjelasan hukum) dan *al-ifta* (pengeluaran fatwa rasmi) (Jum'ah, 2008), serta dilengkapi dengan al-mushawwarah (perbincangan bersama pakar) sebagai rukun pelaksanaannya untuk membezakannya daripada ijtihad individu (Al-Komaiti, 2021; Adnin & Asmak, 2022).

Kesimpulannya, pendekatan ini dapat memastikan keputusan fatwa bersifat komprehensif, seimbang dan sesuai dengan maqasid syariah serta cabaran kehidupan Muslim minoriti dalam negara sekular.

APLIKASI DAWABIT DALAM FATWA UMAT ISLAM MINORITI

Institusi-institusi fatwa di negara-negara minoriti Muslim memainkan peranan yang penting dalam menangani segala persoalan dan isu-isu semasa yang dihadapi oleh komuniti Islam di negara sekular. Fatwa yang dikeluarkan oleh institusi seperti *European Council for Fatwa and Research* (ECFR), Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan *Australian Dar al-Iftaa* ini membuktikan penerapan dawabit-dawabit seperti maqasid syariah, *i'tibar al-waqi'*, *fiqh al-aqaliyyat*, taysir dan ijtihad jama'i.

i. European Council for Fatwa and Research (ECFR)

Di Eropah, ketiadaan sistem perbankan Islam telah menyulitkan masyarakat minoriti Muslim untuk membuat pinjaman, tidak semudah negara majoriti Muslim. Oleh itu, ECFR dalam sidang keempat (27-31 Oktober 1999) telah mengeluarkan fatwa berkaitan dengan pembelian rumah melalui pinjaman perumahan (gadai janji) iaitu diharamkan gadai janji dalam keadaan keperluan (hajah) yang sampai ke tahap darurat (darurah).

Oleh kerana, tiada alternatif halal yang tersedia serta ramai Muslim minoriti tidak mampu membeli rumah tanpa menggunakan gadai janji. Berdasarkan fatwa ini dapat dilihat bahawa para mufti telah menggunakan kaedah "keperluan yang mendesak membolehkan yang haram" serta disokong atas dasar prinsip maqasid Syariah iaitu menjaga identiti Muslim, keselamatan keluarga dan hak mereka untuk memiliki rumah.

Seperti yang kita ketahui bahawa perkahwinan di antara wanita Muslim bersama lelaki bukan Islam adalah dilarang. Akan tetapi, terdapat pengecualian yang dikeluarkan oleh Majlis ECFR sekiranya perkahwinan tersebut telah wujud sebelum wanita tersebut memeluk Islam. ECFR memutuskan 3 keadaan serta penyelesaian jika berlakunya situasi sedemikian iaitu jika perempuan tersebut memasuki Islam selepas dinikahkan dan sebelum disempurnakan persetubuhan maka, mereka mesti berpisah serta-merta.

Kedua, jika telah bersetubuh, dan suami turut memeluk Islam sebelum tamat tempoh 'iddah, maka, perkahwinan dianggap sah akan tetapi sekiranya tempoh 'iddah telah tamat, wanita tersebut boleh menunggu suaminya memeluk agama Islam walaupun tempoh menunggu itu panjang. Ketiga, sekiranya tempoh iddah tamat dan wanita tersebut ingin berkahwin lain, perkahwinan perlu dibatalkan secara rasmi. Beberapa ulama menyatakan bahawa, wanita tersebut boleh memilih untuk kekal bersama suaminya, asalkan suaminya tidak menghalangnya daripada mengamalkan agama dan masih berharap agar suaminya memeluk Islam.

Berdasarkan fatwa berikut, para mufti telah mengambil kira realiti semasa wanita tersebut demi untuk menjaga kebajikan wanita muallaf. Ia tidak memberikan keringanan yang terlalu ringan terhadap golongan tersebut tetapi lebih kepada memahami situasi wanita muallaf tersebut. Keadaan ini mungkin tidak berlaku di negara majoriti Muslim atas faktor perbezaan sosial di antara Muslim minoriti dan majoriti.

Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)

MUIS merupakan sebuah institusi fatwa yang utama bagi umat Islam minoriti di Singapura. Pada tahun 2021, Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong telah mengumumkan kebenaran pemakaian tudung ketika menyarung seragam dalam kalangan jururawat yang beragama Islam. Susulan daripada itu, MUIS telah mengeluarkan fatwa bagi menjawab persoalan pelaksanaan aurat di kalangan jururawat dalam situasi klinikal agar dapat menjalankan tugas dengan baik.

Fatwa ini telah menekankan kefahaman terhadap konteks (waqi') serta keadaan (ahwal) iaitu dengan melihat realiti ketetapan polisi sistem kesihatan seperti *Bare Below the Elbow* (BBE). Tujuan polisi adalah untuk menghindarkan para jururawat daripada risiko jangkitan yang serius. Meskipun, polisi tersebut menetapkan agar mendedahkan tangan sehingga ke paras siku ketika bertugas, fatwa telah menyatakan bahawa polisi BBE ini mestilah dipatuhi oleh kesemua pegawai kesihatan apabila berurusan langsung dengan penyakit, atau apabila memasuki persekitaran di mana pesakit ditempatkan.

Selain itu, fatwa telah mengklasifikasikan keperluan untuk bekerja dalam sektor kesihatan ini sebagai satu keperluan asas (*daruriyyat*) dan kewajipan menutup aurat pula termasuk di dalam kewajipan *taḥsīniyyāt* (keinginan) seperti yang telah dibincangkan oleh sebahagian ulama seperti Imam al-Shātibī. Maka, jika seorang wanita Muslim tidak dapat menutup aurat secara sempurna kerana keperluan kerja yang sah, maka ia dibolehkan selagi tidak mendatangkan kemudharatan.

Ini selaras dengan prinsip taysīr dan sabda Nabi SAW bahawa "agama ini adalah mudah", serta disokong oleh maqasid syariah yang mementingkan keseimbangan antara tuntutan agama dan realiti hidup. MUIS telah mengeluarkan fatwa berkenaan pemilikan harta bersama (*joint tenancy*) pada tahun 2019 iaitu respon terhadap konflik antara prinsip faraid dan undang-undang sivil yang menetapkan pemindahan harta secara automatik kepada pemilik bersama yang masih hidup melalui *right of survivorship*.

Hal ini, yang telah mencerminkan satu bentuk fatwa kontemporari yang seimbang antara tuntutan syariah dan realiti undang-undang sivil dalam negara minoriti Muslim. Tujuan fatwa ini adalah untuk menjaga kemaslahatan individu dan masyarakat, terutamanya dalam isu perumahan dan perwarisan atau pemilikan aset keluarga.

Fatwa telah memberikan alternatif pemilihan kontrak iaitu *joint tenancy* atau *tenancy-in-common* bagi membantu umat Islam mengekalkan kejelasan pemilikan dan mengelakkan persengketaan antara waris yang sejajar dengan objektif syariah iaitu pemeliharaan terhadap harta (*hifz al-mal*) serta lebih selaras dengan pembahagian pusaka menurut syarak. Dengan perubahan fatwa berkaitan isu ini pada tahun 1997, 2008 dan 2018 adalah merupakan salah satu bukti yang menunjukkan bahawa keupayaan fatwa dalam menyesuaikan hukum dengan konteks undang-undang tempatan yang menggambarkan prinsip realiti semasa (*waqi'*).

Selain itu, fatwa ini juga menghormati kerangka undang-undang negara sambil mengekalkan prinsip syarak selaras dengan pendekatan fiqh *al-aqalliyat* yang menekankan kelangsungan hidup dan harmoni sosial dalam lingkungan bukan Islam. Fatwa kontemporari ini merupakan hasil dari proses semakan menyeluruh terhadap keputusan terdahulu dengan melibatkan pakar syariah, perancang kewangan dan pengamal undang-undang maka, ini menjadikan keputusan tersebut bersifat syura dan kolektif.

KEPENTINGAN DAWABIT FATWA TERHADAP UMAT ISLAM NEGARA MINORITI

Dawabit berperanan sebagai panduan asas yang sangat penting dalam proses pengeluaran fatwa kontemporari, terutamanya dalam konteks umat Islam yang hidup sebagai minoriti. Panduan tersebut perlulah dipegang oleh para mufti atau mana-mana institusi fatwa yang berautoriti kerana tanpanya, sesuatu fatwa mungkin bersifat longgar, tidak tepat dan gagal memenuhi keperluan komuniti Islam yang terdedah dengan cabaran kompleks dari sudut perundangan, sosial dan budaya setempat.

Dalam situasi minoriti, keperluan terhadap *maslahah* dan *maqasid* syariah perlu diutamakan, dan para mufti wajib mempertimbangkan faktor realiti semasa (*waqi'*) seperti tekanan undang-undang, gaya hidup dan perubahan teknologi yang semakin berkembang. Fiqh *al-aqalliyat*, suatu gagasan ilmu oleh Yusuf al-Qaradawi perlu menjadi kerangka utama penting bagi memahami cabaran yang dihadapi oleh golongan minoriti.

Selain itu, penggunaan dawabit ini dapat menyeimbangkan antara tuntutan hukum syarak dan kemudahan (*taysir*), tanpa terjebak dalam *tasahul* (meremehkan hukum). Oleh itu, pematuhan kepada dawabit ini akan memastikan fatwa yang dikeluarkan relevan, praktikal dan tidak menyimpang daripada prinsip asas Islam.

Akhir sekali, pelaksanaan ijtihad secara kolektif (ijtihad jama'i) dengan penubuhan institusi-institusi fatwa yang berautoriti di negara minoriti Muslim memberikan kemudahan kepada komuniti Muslim untuk jadikan sandaran. Oleh itu, rundingan dengan pakar pelbagai bidang dapat memberikan kekuatan ilmiah dan kesahihan yang lebih menyeluruh terhadap fatwa yang dikeluarkan.

PENUTUP

Fatwa kontemporari memainkan peranan yang sangat penting terhadap umat Islam minoriti kerana komuniti tersebut memerlukan pendekatan yang komprehensif, realistik dan berpandukan prinsip syariah yang mantap. Komuniti minoriti Muslim menghadapi cabaran dalam kehidupan moden ini kerana mereka hidup dalam realiti yang berbeza daripada masyarakat Islam majoriti yang dapat dilihat dari aspek perundangan, budaya dan nilai sosial.

Oleh itu, penetapan dawabit seperti *maqasid* syariah, realiti semasa (*waqi'*), fiqh *al-aqalliyat*, *taysir* dan ijtihad jama'i menjadi asas dalam pengeluaran suatu fatwa yang dijamin kesahihannya dan keanjalan hukum yang sesuai dengan cabaran perkembangan teknologi kini. Institusi fatwa seperti *European Council for Fatwa and Research* (ECFR) dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah menunjukkan contoh bagaimana fatwa dapat disesuaikan dengan kehendak syariah dan konteks realiti semasa tanpa menjejaskan prinsip-prinsip syariat Islam.

Namun, bagi memperkukuhkan institusi-institusi fatwa serta meningkatkan kepercayaan komuniti minoriti Muslim adalah dengan membuat penambahbaikan seperti menyediakan akses terbuka kepada pangkalan data fatwa-fatwa kontemporari dari pelbagai institusi di negara minoriti, dengan justifikasi, metodologi, dan rujukan *maqasid* agar dapat menjadi panduan dan bahan semakan silang. Penambahbaikan ini adalah penting agar fatwa yang dikeluarkan tidak

hanya sah dari segi hukum, tetapi juga bersifat praktikal, konsisten dan diterima oleh komuniti Islam minoriti dalam konteks lokal dan global.

Selain itu, kajian ini menekankan keperluan agar *fiqh al-aqalliyat* bukan sekadar sebagai pendekatan, tetapi sebagai salah satu *dawabit* rasmi yang dapat membimbing pengeluaran hukum atau fatwa kontemporari bagi masyarakat minoriti. Dengan menjadikannya sebagai sebahagian daripada kerangka tetap (*thawabit*) dalam istinbat fatwa, suatu hukum yang dikeluarkan terjamin walaupun dalam keadaan sekular dan pluralistik.

Akhirnya, pendekatan yang berpaksikan tajdid dan ijtihad kolektif perlu diperkasakan secara berterusan agar fatwa yang dikeluarkan dapat memberi bimbingan sahih, berwibawa dan membina kepada umat Islam minoriti dalam meneruskan kehidupan mereka secara harmoni, yakin dan terarah. Oleh itu, setiap institusi-institusi yang terlibat dengan mengeluarkan fatwa terutamanya dalam negara Islam minoriti perlulah bersatu padu mewujudkan satu garis panduan *dawabit* fatwa kontemporari secara jelas dan sistematik bagi mencapai keperluan masyarakat di negara tersebut serta menjaga ummah masa hadapan.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Majīd, M. al-Sūsawah. (2005). *Dawābiṭ Al-Fatwā Fī Al-Qaḍāyā Al-Mu‘āṣirah* [Guidelines of fatwa in contemporary issues]. *Majallat al-Sharī‘ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, 20(62). <https://doi.org/10.34120/jsis.v20i62.1593>
- Adegoke, K. (2021). *Fiqh Al-Aqalliyah And Muslim Minorities In A Non-Muslim Community*. *Jurnal Syariah*, 29, 1–20.
- Adnin Ibrahim, & Asmak Ab Rahman. (2022). *Methodology Of Ijtihad Jama’i: A Mechanism For Contemporary Fatwa Issuance*. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 6(2), 1–14.
- Amir Sahidin. (2022). *Telaah Atas Fiqh Al-Aqalliyat Syekh Yusuf Al-Qardhawi*. *An-natiq Jurnal Kajian Islam Interdisipliner*, 2, 121-134. <https://doi.org/10.33474/an-natiq.v2i2.15774>
- Chibololo, Dr. Juma. S. 2023. *Fatwa and its Role in the Islamic Contemporary Society*. *International Journal of Research Publication and Reviews Vol 4(No 3)*: 2109-2118.
- European Council for Fatwa Research. 2018. *Fatwa and Resolutions*. London: ECFR.
- Al-Hajawi, M. ibn al-H. (1995). *Al-Fikr Al-Sāmī Fī Tārīkh Al-Fiqh Al-Islāmī*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ibn Manzur. (N.d). *Lisan al-‘Arab*. Vol. 15. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah. (1991). *l‘ām Al-Muwaqqi‘īn ‘an Rabb Al-‘ālamīn*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ismail Hasanuddin & Tuan Sidek T. M. 2024. *Hubungan Maqasid Syariah, Usul Fiqh & Qawaed Fiqhiyyah Dalam Penetapan Hukum Fekah Semasa: Analisis Beberapa Pandangan Hukum Dan Fatwa Terpilih Dalam Isu-Isu Halal*. *International Journal Of Humanities Technology And Civilization*. Vol 9 No. 2: 167-176
- Kamali, M.H. (2003). *Principles of Islamic Jurisprudence*. UK: The Islamic Texts Society.
- Al-Komaiti, A.I.M. (2021). *Al-Istishārāt Wa Atharuhā Fī Bayān Al-Fatwā Wa Iṣḍār Al-Aḥkām*. *Majallat al-Buhūth al-Qānūniyyah*, 12, 1–31.
- Majlis Ugama Islam Singapura. (2019). *Fatwa On Joint Tenancy – Malay*. MUIS. <https://www.muis.gov.sg/resources/khutbah-and-religious-advice/fatwa/joint-tenancy-2019--malay>
- Majlis Ugama Islam Singapura. (n.d.). *Fatwa On The Wearing Of Headscarf – Malay*. MUIS. <https://www.muis.gov.sg/resources/khutbah-and-religious-advice/fatwa/fatwa-on-the-wearing-of-headscarf-malay>
- Al-Majma’i, S.M. (2014). *Al-Ijtihād Al-Jamā‘ī Wa Ahammiyyatuh Fī Al-Fiqh Al-Islāmī*. *Majallat al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, 35, 127–160.
- Mohd Fauzi Bin Audzir, BCK. 2023. *Muzakirah Pengajian Fatwa Kontemporari*. Pusat Pengajian Umum UniSHAMS Kedah Darul Aman.
- Al-Nadwi, ‘Ali Ahmad. (1998). *Al-Qawa’id Al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Al-Qaradawi Yusuf. (1996). *Al-Ijtihād fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Kuwait: Dār al-Qalam.

- Al-Qaradawi, Muhammad Yusuf. (1988). *al-Fatwa Bayna al-Indibat wa al-Tasayyub*. Dar al-Sahwah li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Qaradawi, Y. (2003). *Fiqh of Muslim Minorities*. Cairo: Al-Falah Foundation.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2000). *Fatawa Mu'asirah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Qardawi Yusuf. (1996). *Al-Ijtihād fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Kuwait: Dār al-Qalam.
- Al-Raysuni, A. (2011) *Imam al-Shatibi's Theory of the Higher Objectives and Intents of Islamic Law*. London: The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Riyahi, Nawal. (2020). *Manāhij Al-Fatwā Wa Dawābiṭuhā Li Al-Nazar Fī Al-Qadāyā Al-Mu'āṣirah* [Methods and guidelines of fatwa in addressing contemporary issues]. *Majallat al-Nawāzil al-Fiqhiyyah wa al-Qānūniyyah*, 4(2), 123–166. <https://asjp.cerist.dz/en/article/201639>
- Saadani Man. 2022. Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Vol 31: 1-30.
- Shammai F. (2006). *Fiqh al-Aqalliyat: A Legal Theory for Muslim Minorities*. Research Monographs on the Muslim World. Vol 1/2: 1-18. (Washington, DC: Hudson Institute, 2006).
- Al-Sharafi, 'A. al-M. (1997). *Al-Ijtihād al-Jamā'ī fī al-Tashrī' al-Islāmī* (Collective ijtihad in Islamic legislation) (1st ed.). Doha: Ministry of Awqaf and Islamic Affairs. pp. 77–78.
- Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr. (1998). *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shatibi. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Jld. 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Yahya, Fahd Abdul Rahman. 2013. *Manhaj Al-Fatwa Fī Al-Qadāyā Al-Fiqhiyyah Al-Mu'āṣirah*. Universiti al-Qasim. 1/1: 1-41
- Al-Zarqa', Ahmad Muhammad. (2001). *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1996). *Usul Fiqh al-Islami*. J.2. N.pl: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.